SIARAN AKHBAR

PROGRAM TVET FRONTIER FELLOWSHIP 2026 PERKUKUH BAKAT NEGARA DALAM TEKNOLOGI MASA HADAPAN

PUTRAJAYA, 3 November 2026 – Program TVET Frontier Fellowship 2026 memulakan pelaksanaan penempatan bakat Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di pusat penyelidikan terpilih sebagai langkah memperluas kemahiran mereka dalam penyelidikan serta pembangunan teknologi masa hadapan.

Program rintis yang diselaraskan oleh Sekretariat Majlis TVET Negara (MTVET), Jabatan Perdana Menteri ini merupakan hasrat YAB Perdana Menteri yang dizahirkan sempena Hari TVET Negara pada 6 Jun 2026, agar bakat TVET diberi peluang mendalami bidang teknologi masa hadapan melalui penglibatan secara langsung dalam projek penyelidikan di bawah bimbingan pakar di pusat penyelidikan kerajaan selama 12 bulan. Setiap bakat ini berpeluang mempertingkat kompetensi khusus menerusi penyelesaian masalah sebenar dalam salah satu bidang tumpuan yang ditawarkan iaitu Kecerdasan Buatan (AI), Kriptologi, Peralihan Tenaga dan Peralihan Hijau.

Program ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada 11 Jun 2026. Seramai 1,174 orang telah memohon kemasukan ke program ini ketika iklannya ditutup pada 31 Julai 2026. Calon-calon ini kemudiannya telah ditapis dan ujian secara dalam talian telah dihantar kepada 982 orang calon. Calon yang melepasi proses analisa dan kedudukan yang teratas kemudiannya dipelawa untuk mengikuti proses temuduga yang dikendalikan oleh Sekretariat MTVET bersama lapan (8) pusat penyelidikan iaitu Institut Penyelidikan Air Kebangsaan (NAHRIM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Agensi Nuklear Malaysia, Pusat Teknologi Pengurusan Kriptologi Malaysia (PTPKM), Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), MIMOS Berhad dan SIRIM Berhad.

Seramai 77 orang bakat Program TVET Frontier Fellowship Tahun 2026 akan menerima elaun bulanan melalui Skim PROTÉGÉ Ready to Work (RTW) yang dibiayai melalui tiga (3) buah syarikat iaitu Dhaya Maju LTAT Sdn. Bhd., Meiden Malaysia Sdn. Bhd. dan APEX Communication Sdn. Bhd. sepanjang tempoh penempatan mereka di lapan (8) buah institusi penyelidikan.

Pelaksanaan program ini mencerminkan kerjasama bersepadu antara Kerajaan, pusat penyelidikan dan rakan industri dalam menyediakan laluan pembangunan bakat berkemahiran tinggi yang lebih responsif terhadap perubahan teknologi dan keperluan bidang masa hadapan negara.

Sekretariat MTVET berharap pusat penyelidikan yang terlibat dapat melahirkan lebih ramai graduan TVET yang mempunyai kemahiran bidang masa hadapan yang relevan dan responsive melalui bimbingan dan pengalaman projek yang sebenar, dan agar para bakat yang terpilih dapat memanfaatkan peluang ini dengan penuh dedikasi dan komitmen yang tinggi, demi masa depan negara yang lebih terjamin.

Sekretariat Majlis TVET Negara
Pejabat Timbalan Perdana Menteri
Jabatan Perdana Menteri

Sebarang Pertanyaan
Sekretariat Majlis TVET Negara (MTVET)
Jabatan Perdana Menteri
Tel : 03-88725956 | Emel : mtvet@jpm.gov.my

- Azwansyah bin Zulkifli | 0145177244 / 0388725954
- Siti Nur Batrisya binti Suhaimi | 0174007513 / 0388725979